


FUNGSI UNDANG DALAM ADAT PERPATIH
DI SUNGAI UJONG

ZARINA BTE OTHMAN

JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

SESI 1991 / 92

JAWATANKUASA PENYELIDIKAN BUDAYA N.S.



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JABATAN PERSURATAN MELAYU

FUNGSI UNDANG DALAM ADAT PERPATIH
DI SUNGAI UJONG.

oleh

ZARINA BTE OTHMAN

Latihan ilmiah ini telah diterima oleh Jabatan Persuratan Melayu untuk memenuhi sebahagian keperluan ijazah Sarjanamuda Sastera (dengan kepujian) pada sesi

Penyelia

30 Mac. 1992

Tarikh

Ketua
Jabatan Persuratan Melayu

30 Mac 1992

Tarikh

JAWATANKUASA PENYELIDIKAN BUDAYA N.S.

FUNGSI UNDANG DALAM ADAT PERPATIH
DI SUNGAI UJONG

OLEH

ZARINA BTE OTHMAN

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANAMUDA SASTERA DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

1992

JAWATANKUASA PENYELIDIKAN BUDAYA N.S.

PENGAKUAN

"Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya"

31 Mac. 1992.

Tarikh



ZARINA BTE OTHMAN

(Tandatangan dan Nama Calun)

PENGHARGAAN

Syukur saya ke Hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan hidayatnya dapat saya menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Di ruang ini, saya mengambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada Drs. Lokman Md. Zen selaku Penyelia yang telah banyak membimbing dan menunjuk ajar dalam usaha menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Penghargaan juga saya tujukan kepada Tuan Hj Muhammad Tainu, Pengarah Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan dan Datuk Johan Razali Khalid kerana telah banyak membantu saya mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan.

Berbanyak-banyak terima kasih diucapkan kepada keluarga dan suami saya Encik Zainal Abidin Ramli yang banyak berkorban dan membantu hingga Latihan Ilmiah ini selesai dan tidak lupa juga kepada Encik Md Noor Dame yang telah menaip Latihan Ilmiah ini dengan sabar hingga sempurna.

TERIMA KASIH KEPADA SEMUA

SINOPSIS

Kajian ini adalah meliputi sistem Adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan. Bab I merupakan pengenalan dalam sistem Adat Perpatih yang meliputi kehidupan politik, ekonomi dan sosial. Di samping menerangkan hubungan antara Minangkabau dengan Negeri Sembilan serta asal-usul Adat Perpatih. Di dalam Bab II diterangkan tentang dasar pemerintahan Adat Perpatih yang diamalkan di empat buah luak. Juga menerangkan organisasi Lembaga Adat Perpatih serta menunjukkan sifat-sifat yang perlu ada pada pemimpin-pemimpin adat. Bab III khusus menerangkan Sistem Undang di Luak Sungai Ujong. Ini termasuk cara pemilihan dan perlantikan Undang, bagaimana gelaran Datuk Kelana Putera itu didapati dan menerangkan fungsi serta ketetapan Undang pada masa dahulu dan masa kini. Bab IV pula lebih menunjukkan perubahan-perubahan yang berlaku di dalam sistem perundangan dan maksud serta tujuan diadakan Undang-undang Adat di Sungai Ujong. Manalaka Bab V menerangkan mengapa dan bagaimana krisis pemilihan dan pelantikan Undang Luak Sungai Ujong itu berlaku, sehingga sukar untuk menyelesaikan dan sukar untuk memilih bakal-bakal calon Undang Luak Sungai Ujong. Di samping itu penulis juga ada melahirkan beberapa cadangan yang mungkin boleh dibuat panduan untuk generasi-generasi akan datang. Akhir sekali merupakan kesimpulan tentang kekecuaan dalam pemilihan dan perlantikan Undang Luak Sungai Ujong.

KANDUNGAN

PENGESAHAN	i
JUDUL	ii
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
SINOPSIS	v
JADUAL KANDUNGAN	vi

PENDAHULUAN

0.1	LATAR BELAKANG	ix
0.2	MAKSUD DAN TUJUAN KAJIAN	xiii
0.3	KEGUNAAN KAJIAN	xiii
0.4	METHOD DAN TEKNIK PENELITIAN	xiv
0.5	SUMBER DAN PENGUMPULAN DATA	xv
0.6	LOKASI KAJIAN	xv

BAB I : PENGENALAN ADAT PERPATIH

1.0	PENDAHULUAN	1
1.1	BAHAGIAN-BAHAGIAN ADAT DI MINANGKABAU	4
1.1.1	Adat Nan Sabana Adat	5
1.1.2	Adat Nan Diadatkan	6
1.1.3	Adat Nan Teradat	7
1.1.4	Adat Istiadat	8
1.2	ASAL-USUL ADAT MINANGKABAU	9

1.3	HUBUNGAN MINANGKABAU DENGAN NEGERI SEMBILAN ...	12
1.4	ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN	18
1.5	SISTEM HUKUM ADAT PERPATIH	23
1.6	SISTEM KEKELUARGAAN ADAT PERPATIH	31
1.6.1	Keluarga Sedarah Senisab Ibu	32
1.6.2	Keluarga Sekedim	34
1.6.3	Keluarga Sedarah Sebelah Bapa	36
1.6.4	Keluarga Semenda	36
 BAB II : SISTEM POLITIK ADAT PERPATIH		
2.1	DASAR PEMERINTAHAN ADAT	40
2.2	STRUKTUR ORGANISASI LEMBAGA ADAT PERPATIH	42
2.2.1	Luak Sungai Ujong	43
2.2.2	Luak Jelebu	47
2.2.3	Luak Rembau	50
2.2.4	Luak Johol	51
2.3	PEMILIHAN PEMIMPIN/UNDANG	53
2.4	TUGAS-TUGAS PEMIMPIN	59
2.5	SIFAT-SIFAT PEMIMPIN	61
2.5.1	Ekonomi	62
2.5.2	Kesihatan Badan	62
2.5.3	Budi	63
2.5.4	Akal	65
2.6	JENIS-JENIS PEMIMPIN	66
 BAB III : UNDANG SUNGAI UJONG		
3.1	SEJARAH UNDANG SUNGAI UJONG	70
3.2	GELARAN DATUK KLANA PUTERA	72

3.3	WARIS UNDANG SUNGAI UJONG	74
3.4	CARA LUAK SUNGAI UJONG MEMILIH DATUK KLANA	80
3.5	FUNGSI DAN KETETAPAN UNDANG	82
3.6	FUNGSI UNDANG MASAKINI	89
BAB IV : PERUBAHAN DALAM SISTEM PERUNDANGAN DI SUNGAI UJONG		
4.1	MAKSUD DALAM SISTEM PERUNDANGAN DI SUNGAI UJONG	93
4.2	FAKTOR PERUBAHAN UNDANG-UNDANG ADAT DI SUNGAI UJONG	102
4.2.1	Politik	103
4.2.1	Ekonomi	105
4.2.3	Pendidikan	106
4.3	PEGANGAN UNDANG MENURUT ADAT	107
BAB V : PENUTUP		
5.1	KRISIS PEMILIHAN DAN PERLANTIKAN UNDANG SUNGAI UJONG	117
5.2	CADANGAN	124
5.3	KESIMPULAN	130
GLOSARI		133
BIBLIOGRAFI		134

PENDAHULUAN

0.1 LATARBELAKANG

Di dalam masyarakat Adat Perpatih, Adat itu adalah peraturan hidup di dalam dunia. Seperti kata perbilangan,

Hidup dikandung adat

Mati dikandung tanah

Tujuan Adat ialah untuk kebaikan. Adat dapat menimbulkan yang baik dan menghilangkan yang buruk. Menurut Hazairin,

"Adat adalah renapan kesusilaan dalam masyarakat"

(Abdullah Sidik, 1975)

Peraturan dalam masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan sekarang dibahagikan kepada dua:

1. Fundamental
2. Tidak Fundamental

Fundamental sifatnya ialah yang boleh diubah-ubah mengikut keadaan, seperti yang terkandung di dalam perbilangan Adat,

Usang-usang diperbaharui

Lapuk-lapuk dikajangi

Yang elok dipakai

Yang buruk dibuang

Kalau singkat minta disambung

Kalau panjang minta dikerat

Kalau koyak minta ditampal

Ibu Adat muafakat.

Manakala yang tidak fundamental pula ialah sesuatu yang kekal serta tidak boleh berubah yakni peraturan hidup yang bersandarkan Syara'. Kata perbilangan,

Adat bersendikan hukum

Hukum bersendikan Syara'

Syara' mengata Adat menurut

(Ab. Samad Idris, 1987 : 2)

Sistem sosial masyarakat Negeri Sembilan memang tidak berbeza dengan sistem sosial di tanah Minangkabau, berhubung dengan nilai terhadap adat itu sendiri, nilai tentang budi, nilai tentang kaum perempuan, nilai tentang individu serta susunlapis pemerintahan.

Ditinjau dari segi keturunan atau segi kekeluargaan, masyarakat Adat Perpatih memakai sistem kekeluargaan yang utiliteral atau unilineal dan yang matrilineal. Dengan dasar masyarakat utiliteral-matrilineal maka timbullah sistem bersuku. Di Negeri Sembilan terdapat 12 suku dalam masyarakat Adat Perpatih ini, suku-suku ini ialah,

1. Suku Biduanda
2. Suku Batu Hampar
3. Suku Tanah Datar
4. Suku Tiga Batu

5. Suku Sri Lemak
6. Suku Sri Melenggang
7. Suku Paya Kumbuh
8. Suku Mungkal
9. Suku Batu Belang
10. Suku Tiga Nenek
11. Suku Anak Aceh
12. Suku Anak Melaka

Menurut Prof. M.A. Hanafiah mengenai pengertian suku di Minangkabau seperti berikut:

"Kesatuan kelompok manusia yang terkecil di Minangkabau adalah ibu dengan anak-anak, anak-anak itu namanya seibu dalam bahasa daerah satuande atau semandai. Yang mengepalai unit ini bukan bapak dari anak-anak, melainkan saudara lelaki dari siibu umumnya yang tertua. Anak daripada saudara perempuan itu adalah kemanakannya dan oleh anak itu dipanggil mamak".

Sistem politik Adat Perpatih juga teguh dengan amalan demokrasi yang teratur. Pemerintahan yang pertama sekali terletak dalam tangan mamak, kemudian ketua perut (buapak), kemudian ketua suku (lembaga), kemudian ketua luak (Undang) dan ahkir sekali ketua negeri (Yang Di Pertuan Negeri).

Buapak dipilih dan dilantik oleh mamak, lembaga dipilih dan dilantik oleh buapak, Undang dipilih dan dilantik

oleh Lembaga, Yam Tuan dipilih dan dilantik oleh Undang. Ini ada dicatat di dalam perbilangan adat:

Raja menobat dalam alamnya

Undang menobat dalam luaknya

Lembaga menobat dalam lingkungannya

Buapak menobat pada anak buahnya

Orang banyak menobat dalam terataknya

Jadi sistem pemerintahan menurut konsep am Adat Perpatih adalah sistem demokrasi. Menurut R.J Wilkinson mengenai Adat Perpatih sebagai satu adat yang demokrasi seperti berikut:

"The Adat Perpatih is democratic, it addresses itself to the commons and finds expression in quaint saying that seem to belong to the homely province of proverbial philosophy"

(R. J Wilkinson, 1908 : Hal. 7)

Teraju politik yang tertinggi sekali ialah Yang Di Pertuan Besar biasanya dikenali sebagai Yam Tuan. Dalam perbilangan adat, Baginda disifatkan sebagai keadilan menjelaskan fungsi baginda sebagai penyelesaian dan hakim tertinggi dalam sebarang masalah adat. Peranan ini jarang sekali Baginda ialah sebagai lambang kesatuan dan persekutuan di Negeri Sembilan. Baginda dipilih dan dilantik dari kerabat diraja.

Diantara luak-luak yang terdapat di Negeri Sembilan ada empat luak yang dianggap utama iaitu Luak Sungai Ujong, Luak Jelevu, Luak Johol dan Luak Rembau. Ketua bagi tiap-tiap luak ini digelar Undang. Di dalam tiap-tiap Luak ini ada satu suku yang diberi keistimewaan mencalonkan Undang atau penghulu daripada anggotanya. Umumnya suku istimewa ini ialah suku Biduanda. Ketua suku ialah lembaga segala hal ehwal suku adalah dalam lingkungan jagaannya.

0.2 MAKSUD DAN TUJUAN KAJIAN

Adapun maksud dan tujuan kajian ini ialah:

1. Untuk mengetahui amalan Adat Perpatih ini dengan lebih mendalam lagi.
2. Untuk mengetahui apakah amalan fungsi Undang ini masih diamalkan hingga sekarang.
3. Untuk mengetahui sejauhmana fungsi Undang ini difahami oleh masyarakat Adat Perpatih.

0.3 KEGUNAAN KAJIAN

Bermula dengan maksud dan tujuan kajian, maka kegunaan kajian ini adalah:

1. Untuk mengumpulkan bahan-bahan dan maklumat-maklumat dengan Adat Perpatih. Ini dapat membantu dan memberi panduan kepada generasi baru.

2. Untuk mendapatkan fungsi sebenar pemimpin-pemimpin adat agar nanti boleh dijadikan rujukkan.
3. Untuk menerangkan kepada masyarakat luar tentang kekeliruan dan anggapan-anggapan mereka yang tidak menyenangkan terhadap Adat Perpatih ini.

0.4 METHOD DAN TEKNIK PENELITIAN

Di sini method kajian dibahagikan kepada tiga iaitu:

1. Melalui temubual (wawancara)
2. Melalui pemerhatian
3. Melalui pembacaan

Wawancara dibuat dengan individu yang terlibat secara langsung di dalam struktur adat, iaitu berhubung langsung dengan dato'-dato' adat. Di samping itu menemubual beberapa orang yang tahu selok belok Adat ini.

Melalui pembacaan penulis menggunakan kemudahan perpustakaan dan pembacaan berkisar dari majalah yang berbentuk budaya.

0.5 SUMBER DAN PENGUMPULAN DATA

Sumber data dan pengumpulan data didapati:

I. Perpustakaan

1. Perpustakaan Tun Sri Lanang, U.K.M
2. Perpustakaan Institut Kebudayaan dan Kesusasteraan Melayu, U.K.M
3. Perpustakaan Yayasan Negeri Sembilan, Seremban
4. Perpustakaan Awam Hulu Langat, Kajang

II. Maklumat dari Bahagian Penyelidikan dan Budaya Negeri Sembilan

0.6 LOKASI KAJIAN

Kajian ini dibuat khusus di dalam Luak Sungai Ujong disamping Luak-luak lain secara am.

Melihat contoh pada yang lampau
Melihat tua pada yang menang
Usang-usang diperbaharui

Yang lapuk disokong
Yang elok dipakai
Yang buruk dibuang

Yang senteng dilabuhkan
Yang panjang dikerat
Yang rumpang disisit
Ibu adat ialah muafakat
Tak ada keruh yang tak jernih
Tak ada kusut yang tak selesai
Asal saja bersetuju
Jumpa benar jangan disiaahkan

BAB III

UNDANG SUNGAI UJONG

3.1 SEJARAH UNDANG SUNGAI UJONG

Sejarah pemerintahan berundang di Sungai Ujong berasal daripada keturunan Puteri Mayang Selida yang berkahwin dengan Sultan Abdul Jalil II dari Johor yang menghasilkan seorang anak lelaki bernama Bendahara Skudai.

Kisah Puteri Mayang Selida dan Sultan Abdul Jalil II ini ada disebutkan di dalam Teromba Luak Sungai Ujong. Sultan Johor telah bermimpi dan di dalam mimpinya menyatakan bahawa di dalam jajahannya iaitu di sebelah utara ada seorang puteri yang cantik. Petanda untuk mencari puteri tersebut ialah menimbang air sungai yang dilaluinya. Air sungai yang berat akan menunjukkan jalan di mana puteri itu berada.


Sultan Abdul Jalil II memulakan pelayarannya dengan berpandukan petanda di dalam mimpinya. Pelayaran beliau bermula dari Johor ke Melaka. Maka ditimbang air Sungai Johor dengan Sungai Batang Melaka. Air Sungai Batang Melaka lebih berat, lalu terus dimudikinya, demikianlah yang dilakukan apabila bertemu dengan Sungai Linggi, apabila air Sungai Linggi lebih berat dimudikinya lagi sehingga sampai mudik masuk ke Sungai Langat, Sungai Langat yang dimudiki mempunyai dua cabang iaitu Sungai Semenyih dan Sungai Beranang.

Rombongan Sultan Johor menimbang air Sungai Beranang dan Sungai Semenyih itu. Maka air sungai Beranang lebih berat lalu dimudiki sampai ke hulunya. Rombongan Sultan Johor menjumpai penempatan manusia. Puteri Mayang Selida juga ditemui di situ. Puteri Mayang Selida merupakan anak angkat kepada Batin Bercanggai Besi. Beliau menjumpai puteri tersebut di dalam gua lalu dipelihara.

Maka Sultan Abdul Jalil II pun mengahwini Puteri Mayang Selida yang dicari itu di dalam mimpinya.

Anak Sultan Abdul Jalil II ini iaitu Bendahara Skudai belayar dari Johor sampai di Kuala Linggi dan mudik ke hulu iaitu di Pengkalan Dian. Setelah menetap beberapa lama Bendahara Skudai pun dikahwinkan dengan dengan Sibuya Jaya iaitu cucu Batin Bercanggai Besi.

Bendahara Skudai dan isterinya memperolehi empat orang anak iaitu Mohd Tumbu, Tok Musang, Tok Semurga dan Tok Seri Mani. Mohd Tumbu atau Tok Kelambu merupakan penghulu pertama di Sungai Ujong dan diikuti oleh adiknya Tok Musang sebagai penghulu kedua Sungai Ujong. Daripada keturunan kedua-dua orang anak lelaki Bendahara Skudai inilah lahirnya waris Klana. Gelaran Datuk Kelana masih belum bermula pada waktu itu, tetapi gelaran Penghulu atau Penghulu Menteri sahaja yang digunakan. Manakala kedua-dua anak perempuan Bendahara Skudai pula melahirkan keturunan Datuk Bandar dan Datuk Andika.



3.2 GELARAN DATUK KLANA PUTERA

Gelaran Datuk Klana Putera ini bermula semasa Undang yang ke-7 iaitu Datuk Klana Bador. Sebelum itu gelaran Undang hanya menggunakan gelarn Penghulu Menteri Sahaja.

Gelaran Datuk Klana Putera ini sebenarnya mempunyai dua pendapat tentang pengurniaannya:

1. Pendapat mengatakan bahawa Raja Melewar yang mengurniaknya gelaran tersebut.
2. Pendapat mengatakan bahawa Sultan Johor yang mengurniaknya.

Mengenai pendapat yang mengatakan Raja Melewar mengurniaknya adalah kabur, apabila dibandingkan antara tarikh beliau ditabalkan dengan penggunaan gelarag Datuk Klana


Putera Bador yang bermula pada tahun 1760. Pertabalan Yam Tuan Raja Melewar adalah pada tahun 1773. Faktor ini menunjukkan bahawa gelaran Datuk Klana Putera tersebut telah wujud sebelum Yam Tuan Raja Melewar ditabalkan (1773) (Teromba Sungai Ujong).

Manakala pendapat yang mengatakan gelaran Datuk Klana Putera ini dikurniakannya oleh Sultan Johor pula adalah seperti berikut. Sejarah bermula pada masa Penghulu Chantek dan rombongannya pergi mengadap Yang Mulia Sultan Johor di Kota Tinggi. Sultan Johor telah mengemukakan soalan kepada Penghulu Chantek. Maka Penghulu Chantek tidak dapat menjawabnya tetapi anak Penghulu Chantek dapat menjawab soalan tersebut. Oleh kerana kebijaksanaan anak Penghulu Chantek itu makan Sultan Johor mengangkat anak Penghulu Chantek menjadi Klana Putera. Anak Penghulu Chantek itu ialah Datuk Klana Putera apabila beliau menjadi Undang Sungai Ujong.

Apabila Penghulu Menteri Sungai Ujong telah diubah gelaran kepada Datuk Klana Putera, pesaka berganti dengan anak serta dilebihkan dari Undang yang lain. Datuk Klana Putera boleh memakai pakaian Raja-raja seperti Raja Muda wakil kerajaan. Oleh kerana Undang Sungai Ujong merupakan imam kepada Undang yang tiga lagi. Mengikut adat, hingga sekarang di dalam aturan menabalkan Yang Di Pertuan ialah dengan kuasa Datuk Klana Putera Sungai Ujong. Maka barulah sempurna Yang Di Pertuan Negeri Sembilan (Teromba Sungai Ujong).

Gelaran Datuk Klana bagi Undang Luak Sungai Ujong mula dipakai oleh Datuk Klana Bador iaitu waris Hulu pada tahun 1760 hingga 1780. Selepas beliau mangkat, gelaran tersebut terus digunakan hingga sekarang oleh pengganti-pengganti Undang Luak Sungai Ujong.

3.3 WARIS UNDANG SUNGAI UJONG



Sungai Ujong mempunyai tiga waris yang mengikut keturunan Bendahara Skudai. Waris-waris tersebut ialah:

1. Waris Klana
2. Waris Di air
3. Waris Andika

Waris Klana merupakan keturunan dari kedua-dua anak lelaki Bendahara Skudai iaitu Tok Kelambu dan Tok Musang. Waris Klana adalah waris yang menerima Undang. Di dalam waris Klana (waris darat) pula terbahagi kepada dua perut, iaitu perut hulu dan perut hilir. Perut-perut hulu

merupakan keturunan dari Tok Musang dan perut hilir merupakan keturunan dari Tok Kelambu.

Perut hulu dan perut hilir ini bergilir-gilir menerima pesaka Datuk Klana. Di antara kedua perut waris Klana ini dilantik seorang tua waris. Tua waris ini bertanggungjawab menyusun waris mengikut lingkungannya (Wawancara Razali Khalid, Nov. 1991).

Manakala waris diair pula adalah keturunan Tok Semerga iaitu anak perempuan Bendahara Skudai yang berkahwin dengan Lebai Mamat dan mempunyai empat orang anak. Waris diair pula terbahagi kepada empat perut iaitu, perut Nenek Sulung, perut Tok Susu Ganda, perut Tok Susu Dara dan perut Tok Susu Tunggal.

Waris diair tidak boleh menerima pangkat Undang tetapi waris di air mempunyai ketua berpangkat Datuk Shahbandar. Antara Datuk Klana Putera dengan Datuk Shahbandar ini, mereka mentadbir kawasan mereka mengikut aturan mereka sendiri. Jika ada apa-apa masalah di dalam waris diair, Datuk Shahbandar yang akan menyelesaikannya. Datuk Klana Putera tidak boleh campur tangan di dalam pentadbiran waris diair dan begitu juga sebaliknya seperti:

".....adalah dikatakan Undang itu bagi Luak Sungai Ujong ini ialah Datuk Klana Putera dan Datuk Shahbandar dan jikalau tumbuh apa-apa hal di dalam waris di darat habis oleh Datuk Klana dan jikalau

tumbuh pula apa-apa hal di dalam waris di air habis oleh Datuk Bandar, tiada boleh ganggu mengganggu kedua pihaknya.....".

(S.M. Gullick, 1949 : 36)

Walaupun begitu mengikut keturunan antara waris diair dan waris didarat ini adalah dari satu keturunan juga iaitu dari keturunan Bendahara Skudai. Mereka saling mempunyai hubungan antara satu sama lain seperti perbilangan adat:

Telur sebiji sama ditatang

Pesaka satu sama dibela

Hilang di darat di air mencari

Hilang di air di darat mencari

Laksana mata hitam dengan mata putih

(Wilkinson, 1911 : 32)


Waris Andika pula merupakan keturunan dari Tok Sri Mani iaitu anak perempuan dari Bendahara Skudai yang keempat dan berkahwin dengan orang Terachi. Tok Sri Mani tiada mempunyai anak tetapi beliau telah mengambil seorang anak angkat lelaki. Dari keturunan anak angkat inilah timbulnya gelaran Andalika Mendelika yang kini dipanggil waris Andika atau waris Pantai.

Oleh kerana keturunan waris Andika merupakan keturunan dari anak angkat Tok Sri Mani, maka waris Andika tidak berhak menerima pangkat Datuk Klana. Walau bagaimanapun waris Andika boleh memangku jawatan Datuk Klana


atau disebut Waris Memangku Datuk Klana (S.M. Gullick, 1949 : 44).

Menurut aturan adat Luak Sungai Ujong, pesaka Datuk Andalika Mendelika adalah Tua Lembaga waris di darat dan Lembaga Tua Tiang Balai Luak Sungai Ujong. Beliau berhak menentukan bakal penyandang pesaka Datuk Klana dan ini lazimnya dilakukan selepas mendapat kebulatan daripada tiga Lembaga Tiang balai yang lain.

Salasilah Datuk Kelana Dari Waris Hulu



Salasilah Datuk Kelana Dari Waris Hilir



3.4 CARA LUAK SUNGAI UJONG MEMILIH DATUK KLANA

Sistem pemilihan dan perlantikan Undang Sungai Ujong berbeza daripada sistem yang diamalkan di tiga Luak Undang yang lain di Negeri Sembilan.

Pemilihan bermula dengan pembentukan sebuah jawatankuasa pemilihan Undang yang dianggotai oleh tiga orang iaitu:

1. Datuk Johan iaitu selaku tua waris perut hulu
2. Datuk Maharajalela iaitu selaku tua waris bagi perut hilir

Anggota ketiga jawatankuasa ini ialah seorang waris tertua yang mempunyai pengetahuan mendalam mengenai urusan pentadbiran adat dan pesaka Luak Sungai Ujong (Wawancara Razali Khalid, Nov. 1991).

Bagaimanapun jawatankuasa ini tidak semestinya dianggotai oleh Datuk Johan dan Datuk Maharajalela selaku tua waris perut hulu dan hilir. Perkara ini pernah berlaku semasa pemilihan dan perlantikan Undang Kesembilan, iaitu Allahyarham Datuk Klana Mohd Kassim Datuk Nika Haji Abdul Rasyid pada tahun 1946. Jawatankuasa pemilihan ketika itu dianggotai oleh ibu Soko Tertua (perempuan) yang mewakili perut hulu dan adik lelaki kepada Datuk Maharajalela yang mewakili perut hilir. Anggota jawatankuasa yang ketiga pula hanyalah seorang penghulu.

Jika tiga anggota jawatankuasa ini gagal mencapai kata sepakat mengenai pemilihan seorang calon bakal penyandang pesaka Datuk Klana, maka kuasa pemilihan terserah kepada empat Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong yang diketuai oleh Datuk Andika Mendelika dan tiga lagi anggota Datuk Lembaga berkenaan ialah:

1. Datuk Seri Maharaja Di Raja
2. Datuk Akhir Zaman (Rantau)
3. Datuk Penghulu Dagang (Paroi)

Lazimnya jawatankuasa berkenaan akan menyerahkan satu senarai yang mengandungi nama-nama calon Datuk Klana kepada empat Lembaga Tiang Balai berkenaan menerusi Datuk Andika Mendelika. Jika empat Lembaga Tiang Balai masih gagal mencapai kata sepakat mengenai pemilihan bakal penyandang Datuk Klana, maka kuasa muktamad terletak di tangan Datuk Andika Mendelika. Di samping itu kuasa mengisytiharkan perlantikan Datuk Klana juga terletak di tangan Datuk Andika Mendelika selaku Lembaga Tua Tiang Balai Luak Sungai Ujong.

3.5 FUNGSI DAN KETETAPAN UNDANG

Undang merupakan raja di dalam luaknya. Pada zaman sebelum kedatangan Inggeris kuasa Undang luas sekali, malah kadangkala mencapai tahap kuasa mutlak. Kuasa Undang tersebut adalah dinyatakan di dalam perbilangan adat:

Undang,

Boleh menghitam dan memutihkan

Boleh memanjang dan memendekkan

Boleh mengesah dan membatalkan

Kuasa Undang ini dapat dilihat dalm perlantikan Lembaga misalnya, walaupun perlantikan seseorang individu itu telah dipersetujui oleh waris dalam perutnya, Undang boleh menolak perlantikan itu, dan Undang juga boleh memecat seseorang Lembaga jika ia mahu, kerana ada perbilangan yang mengatakan:

"Lembaga itu hidup matinya pada Undang"

Adat istiadat Undang mestilah memakai adat istiadat perbilangan ini, siapa jua menjadi Undang bagi luak masing-masing hendaklah menjalankan atau memakai adat istiadat peraturan ini:

Dianjak layu

Dicabut mati

Dua perkara

Adat yang berlukiskan Lembaga

Bertunggal permarasan

Hukum yang berhadis, berfirman

Dan kitab yang berlafaz makna

Perbilangan di atas hendaklah dipegang oleh setiap Undang dalam luak masing-masing. Adat yang melukiskan ini bermakna adat yang berperaturan seperti:

Suku bertua

Lembaga berlingkungan

Anak buah beribu bapa

Orang Semenda ke tempat Menda

Dagang bertampatan

Perahu bertambatan

(Wawancara Razali Khalid)

Kuasa Undang ini berada di dalam Luaknya sendiri, adalah baginya kusut menyelesaikan, keruh menjernihkan, cicir yang memunggut, hilang yang mencari.

Fungsi Undang sebagai raja di dalam luaknya dapat dilihat di dalam perbilangan ini:

Hidup matinya pada Undang

Tikam tak bertanya

Pancung tak bersebab

Undang itu berkelantasan

Keris pengalang padanya

Pedang memancung pada keadilan

Pada zaman dahulu fungsi Undang adalah amat luas sekali sehinggakan tiada unsur-unsur yang boleh menghalang segala perintah dan perbuatannya. Ini dapat dilihat pada perbilangan adat:

..... Undang itu berkelantasan.

Berkelantasan di sini bermaksud pantas atau tembus tiada benda yang boleh menghalang kuasanya iaitu hidup mati di tangan Undang. Ini dapat dilihat dalam kes jenayah dan adat yang diselesaikan oleh Undang sendiri. Contohnya, Undang Renbau, Datuk Lela Maharaja Haji Sahil (1871-1883) yang telah menjatuhkan hukum mati ke atas seorang Jawa di Kampung Nerasau (Norhalim, 1976 : 95-96). dalam kes Haji Sahil ini beliau telah bertindak selaras dengan perbilangan adat iaitu:

Sah batal pada Undang

Keris pengalang pada Undang

Faktor tersebut juga menunjukkan bahawa Undang mempunyai kuasa kehakiman yang tertinggi, di samping mempunyai tanggungjawab kepada Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan. Lazimnya Undang yang empatlah yang menjalankan perlantikan Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan. Ini dapat dilihat dalam perbilangan adat:

Orang Semenda pada tempat Semenda

Anak buah kepada Buapak

Buapak kepada Lembaga
Lembaga kepada Undang
Undang kepada keadilan

Di sini keadilan itu mungkin merujuk kepada Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan yang menjadi lambang keadilan dalam kerajaan Negeri Sembilan.

Undang juga merupakan ketua agama di dalam luaknya. Oleh itu pengetahuan agama amatlah penting dan menjadi syarat dalam perlantikan seorang Undang (Wawancara Razali Khalid, Nov. 1991). Perjalanan adat ini juga adalah seiring dengan hukum syarak. Hukum Syarak merupakan tunggak sesuatu perkara dan baru diikuti oleh adat. Ini dapat dilihat di dalam perbilangan adat berikut:

Adat bersendikan Syarak
Syarak bersendikan Kitabullah
Syarak mengata
Adat mengikut

Undang juga berkuasa di dalam beberapa pentadbiran agama seperti melantik Kadi malah Undang boleh menjadi Wali Hakim kepada rakyat di dalam luaknya (Wawancara Razali Khalid, Nov. 1991).

Di dalam hasil-hasil negeri (Luak), Undang merupakan tuan milik hasil-hasil luak. Melalui waris, Undang memunggut hasil-hasil tersebut seperti di dalam perbilangan adat:

Hutan tanah kayu kayan
Rumput pantai bukit bukau
Waris yang punya
Air yang keruh
Batang yang berasap
Kincir berpusing
Gua nan berdagoh
Gedung nan bercukai
Lalu nan berpayung
Waris nan punya
Pajak, cukai kepala
Undang yang punya
Ombak yang berdegar
Pasir nan memecah
Angin nan bertiup
Sungai nan besar
Kedai berjijir
Gantang bertolak
Cupak berpiawai
Saudagar berjual beli
Dacing galak nan berjinjang
Shahbandar yang punya
Jika dalam luak Undang
Tumbuhnya hasil kepada Undang

(Teromba Sungai Ujong)

Dalam mengerjakan hasil-hasil di dalam luak, rakyat biasa pada hakikatnya boleh meneroka dan mengerjakan kerja-

kerja tersebut seperti mengerjakan tanah waris tetapi mereka terpaksa membayar cukai kepada Undang melalui waris-waris. Walaupun di dalam perbilangan adat tersebut tertulis "waris yang punya" dan "shahbandar yang punya" tetapi waris dan shahbandar ini merupakan wakil kepada Undang, malah di akhir perbilangan adat ada menyatakan:

Jika dalam luak Undang

Tumbuhnya hasil kepada Undang

Tegasnya Undang di dalam luaknya merupakan raja yang menguasai luaknya. Secara keseluruhan dari sekecil-kecil perkara hinggalah kepada perkara yang besar seperti yang tercatat di dalam perbilangan ini:

Cari-carikan dalam anak buah

Kusut menyelesaikan kepada ibubapa

Tiada habis kepada ibubapa

Pulangkan kepada tua

Iaitu salah memberi benar

Berhak kepada tua

Tiada habis kepada tua

Sampaikan kepada Lembaga

Jika bertungkul ke tanah

Kusut dimempelasi oleh Lembaga

Jika habis pada Lembaga

Kata sudah perbuatan habis

Jika tidak habis pada Lembaga

Sampai kepada Undang

Iaitu keras minta ditakek
Tinggi minta disigaikan kepada Undang
Sah benar pada Lembaga
Hidup mati kepada Undang
Tali pengikat pada Lembaga
Keris pengalang pada Undang
Pedang pemancung pada keadilan

Dari perbilangan adat yang dinyatakan, Undang mempunyai tanggungjawab yang berat dan Undang perlulah bijak menentukan antara yang baik dengan yang buruk kerana jika Undang salah mentafsir sesuatu perkara alamlah hancurlah pentadbiran di dalam luak kerana Undang yang menentukan hidup dan matinya sesuatu perkara.

Undang amat berpengaruh di dalam luaknya. Sungguhpun begitu untuk mencapai sesuatu keputusan, Undang pada asasnya haruslah mengadakan perundingan atau muafakat dengan Datuk-datuk Lembaga dan juga Orang Besar Undang. Apabila sesuatu keputusan telah dipersetujui Undang akan menjatuhkan hukuman atau memberi jawapan kepada masalah yang dimusykilkan. Dalam memberikan keputusan ini Undang dibolehkan oleh adat untuk menggunakan budi bicaranya sendiri kerana adat menyatakan:

Sumbing boleh dititik
Patah boleh digempal

Manakala dalam beberapa hal yang dikatakan pantang Undang pula seperti,

Derhaka, celaka

Dahaga, dahagi

Rumbun, bakar

Tikam, bunuh

hanya Undang sahaja yang boleh menghakimkan dan menjatuhkan hukumannya (Nordin Selat, 1976 : 66-67).

Dalam menjalankan tugas politik pula perbincangan di peringkat atas adalah tertutup dengan maksud hanya Lembaga-lembaga yang berkenaan dan Undang sahaja yang berbincang dan akhirnya membuat keputusan, setiap keputusan seringkali berdasarkan budi bicara Undang kerana Undang mempunyai kuasa mutlak dalam mencapai sesuatu hukum itu (Norhalim Ibrahim).

Kesimpulannya Undang mempunyai kuasa mutlak di dalam mentadbirkan luak masing-masing pada zaman sebelum kedatangan Inggeris tetapi Inggeris telah mengubah segala kekuasaan Undang tersebut mengikut peraturan mereka.

3.6 FUNGSI UNDANG MASAKINI

Fungsi Undang pada masakini adalah amat terhad sekali berbanding dengan fungsi Undang sebelumnya. Undang dalam tiap-tiap luak merupakan sebagai lambang sahaja namun begitu fungsi Undang di dalam adat masih mempunyai peranannya.

Di dalam pentadbiran fungsi Undang adalah tidak menonjol lagi. Pentadbiran setiap luak sekarang adalah di bawah kekuasaan kerajaan negeri. Segala masalah yang

bersangkutan dengan tanah, cukai ataupun harta pusaka biasanya diselesaikan oleh Pegawai Daerah.

Manakala di bidang keselamatan atau jenayah pula segalanya diserahkan kepada Polis. Segala masalah jenayah akan berhubung dengan Polis serta akan diadili di mahkamah. Undang tidak punya kuasa lagi di dalam menentukan kesalahan dan kebenaran seseorang anak buahnya. Ini kerana Undang tiada punya kuasa malah Undang sendiri mesti mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Namun begitu di dalam soal-soal keagamaan, Undang masih lagi diperlukan, kata-katanya masih boleh diterima sebagai nasihat walaupun Undang tiada hak untuk melantik Kadi lagi tetapi Undang masih boleh bersuara. Malah di dalam luak, Undang masih menjadi ketua agama.

Fungsi Undang di dalam adat masih dikekalkan sehingga sekarang iaitu sebagai 'raja' dan ketua adat di dalam luaknya. Segala pertelingkahan di dalam adat jika tidak dapat diselesai kan oleh Buapak, Lembaga, Undang adalah bertanggungjawab menyelesaikannya seperti di dalam kata adat:

Adat pada waris

Hukum pada Undang

Undang masih boleh memecat seseorang pemimpin adat jika pemimpin adat tersebut melakukan perkara-perkara yang merosakkan adat.

Begitu juga di dalam perlantikan Yam Tuan Besar Negeri Sembilan, Undang yang empat merupakan orang terpenting memilih calon untuk di lantik.

Kesimpulannya, fungsi Undang pada masakini adalah tertumpu kepada soal-soal adat sahaja. Malah masakini Undang hanya sebagai lambang, iaitu lambang kebesaran di dalam Adat Perpatih.

Kekuasaan Undang hanya terbatas pada hal-hal tertentu sahaja. Semasa pemerintahan kolonial Inggeris adat dan syarak diserahkan kepada pemeliharaan Badan Tadbir Undang dan Keadilan manakala perkara-perkara berhubung dengan jenayah dan tadbiran awam yang agak rumit terserah dan tertakluk kepada undang-undang ciptaan kolonial Inggeris.

Mengikut sistem pemerintahan demokrasi berparlimen sekarang, sistem Undang tidak begitu penting lagi. Undang hanya berfungsi kepada hukum-hukum dan peraturan adat di dalam luak masing-masing.

Jika dibuat perbandingan kekuasaan Undang pada zaman sebelum pemerintahan Inggeris, Undang mempunyai kuasa mutlak mengawal atau mempengaruhi tingkah laku anak-anak buahnya. Kekuasaan Undang tidak serupa seperti sistem kekuasaan teori-teori barat yang lebih menekan dan lebih merupakan peluang bagi seseorang untuk menyuruh dan memaksa mengikut kemahuannya, meskipun bertentangan dengan kemahuan individu. Kekuasaan mereka wujud dalam interaksi sosial yang menandakan

suatu keadaan ketidaksamaan peluang antara satu sama lain.

Kekuasaan Undang lebih bersifat kewibawaan yang perintahnya berkesan kepada penerimanya dalam anggota masyarakat adat.

GLOSARI

Abih	-	Habis
Bakarelahan	-	Berkerelaan
Baagieh	-	diberi
Bacarai	-	Bercerai
Barek	-	Berat
Bagantung	-	Bergantung
Balindung	-	Berlindung
Basanda	-	Bersenda
Baselo	-	Bersela
Indak	-	Tidak
Koto	-	Sekumpulan rumah tempat tinggal bersama yang mempunyai peraturan kesetiaan daerah itu
Korong	-	Kampung
Kamangulang	-	Berulang
Memagang	-	Memegang
Nagari	-	Negeri
Pasa	-	Pasar
Sajinjiang	-	Sejinjing
Sapariuk	-	Seperut
Sapikua	-	Sepikul
Sapuah	-	Sepuh
Sumando	-	Suami dari kakak/adik
Taratak	-	Desa yang jauh terpencil
Urek	-	Akar

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman bin Hj Mohd. 1964. Dasar-dasar Adat Perpatih. K. Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Abdul Samad Idris. 1987. Takhta Kerajaan Negeri Sembilan. K.L.: Utusan Printcorp SDN. BHD.
- _____. 1968. Negeri Sembilan Sejarahnya. K.L.: Utusan Melayu Berhad.
- Abdullah Sidik. 1975. Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia. K.L.: Universiti Malaya.
- Amir M.S, 1987. Tonggak Tuo Budayo Minang. Jakarta: Penerbitan Karya Indah.
- Batuah, A.M. Datuk Maruhun dan Tanameh. 1954. Hukum Adat Dan Adat Minangkabau. Djakarta: Poesaka Asli.
- H. Idrus Hakimy Dt Raja Penghulu. 1986. 1000 Pepatah-Pepatih, Manang-Bidal, Gurindam. Bandung: Penerbitan Remadya.
- Kato, Tsuyoshi. 1982 asal. 1984. Nasab Ibu Dan Merantau Tradisi Minangkabau Yang Berterusan Di Indonesia. (Terjemahan Azizah Kassim). Cetakan Semula 1989. K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Dahlan Mansor. 1970. Sejarah Minangkabau. Djakarta: Penerbitan Bharata.
- M. Nasron. 1971. Dasar Falsafah Adat Minangkabau. Djakarta: Penerbitan Bulan Bintang.
- Mokhtar Md Dom. 1977. Adat Perpatih Dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia. K. Lumpur: Federal Publications SDN. BHD.
- Mochtar Naim. 1979. Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.

- Marsden, W. 1966. The History of Sumatera. J.M. Greeny
London. Cetakan Semuala 1966. Kuala Lumpur:
Oxford University Press.
- M. Rasjid Manggis Dt Radjo Panghoeloe. 1982. Sejarah Ringkas
Minangkabau Dan Adatnya. Jakatra: Penerbitan
Mutiaras.
- _____. 1971. Minangkabau. Padang: Penerbitan
Sridharama.
- Nordin Selat. 1982. Sistem Sosial Adat Perpatih. K.L.: Utusan
Publications and Distributors SDN. BHD.
- _____. 1978. Renungan. K. Lumpur: Utusan
Publication & Distributors SDN. BHD.
- Shahba. 1951. Pusaka Naning. K. Pilah: The Sentosa Store.
- _____. 1956. Pahlawan Dol Said Naning. K. Pilah:
The Sentosa Store.
- Wilkinson R.S. 1911. Notes on Negeri Sembilan. Terbit Semula.
Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Zakiah Hanum. 1988. Asal Usul Nama Negeri-Negeri Di Malavsia.
K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teromba Sungai Ujong, Tiada Tarikh.
- SEMINAR**
- Khoo Kay Kim. 1974. "Sistem Politik Negeri Sembilan." Seminar
Persejarah dan Adat Perpatih.
- Md. Sharif Fakeh Hasan. 1974. "Sejarah Kedatangan Adat
Perpatih. Seremban: Seminar Persejarah dan
Adat Perpatih.

Nordin Selat. 1974. Pemimpin Dalam Adat Perpatih. Seremban:
Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih.

Norhalim Hj Ismail. 1989. The Negeri Sembilan Adat Through
Time With Special Reference To Rembau.
University of Kyoto, Jepun: Kertas Kerja Malay
Seminar.

Shamsul Amri. 1974. Politik Adat Perpatih. Seremban:
Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih.

JOURNAL

Gullick S.M. 1949. "Sungai Ujong." Journal of The Malayan
Branch of The Royal Asiatic, Vol. XXII,
Pt. 11.

Winstedt R.O. 1934. "Negeri Sembilan : The History Polity and
Belief of The Nine States." JMBRAS, 12(3).

_____. 1954. A Digest of Customary Law From Sungai
Ujong. JMBRAS, Vol. XXVII, Pt. 3.

MAJALAH

Salamiah Ismail. 1983. "Kuasa Undang Bak Durian Beruang-ruang,
Bak Sawah Berlopak-lopak." Dewan Budaya. Mac
1983.

AKHBAR

Bustamam Ahmad. "Sejarah Pesaka dan Warisan." Berita Harian.
12hb. Feb. 1987. Hal. 14.

_____. "Kumpulan Perut Kesal Tindakan Perut Hilir." Berita Harian. 13hb. Dis. 1986. Hal. 12-13.

_____. "Keputusan Dewan Keadilan Mungkin Tidak Berganjak." Berita Harian. 11hb. Mac 1988. Hal. 11.

_____. "Tujuan Halang Percubaan Perlantikan." Berita Harian. 17hb. Sept. 1987. Hal. 13.

KAMUS

Marah Rusmali dan Rakan-rakan. 1985. Kamus Minangkabau-Indonesia. Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Department Pendidikan dan Kebudayaan, Jakarta.

TEMUBUAL

Nama : Encik Razali Khalid
 Umur : 58 tahun
 Pekerjaan : Pesara Ahli Bomba
 Jawatan Dalam :
 Adat : Datuk Johan
 Alamat : Kampung Pelegong, Batu 8, Jalan Labu,
 Seremban, Negeri Sembilan.
 Tarikh Temubual: 24hb. Nov. 1991.

Nama : Tuan Hj. Muhamad Tainu
 Umur : 56 tahun
 Pekerjaan : Pengarah Penyelidikan Budaya,
 Negeri Sembilan
 Alamat : Pejabat Pengarah Penyelidikan Budaya,
 Seremban, Negeri Sembilan
 Tarikh Temubual: 20hb. Feb. 1992.